

Larang anak main mercun

» Ramai masih jual dan beli walaupun sudah diharamkan, tahu risiko serta bahaya

Saban tahun, terutama ketika umat Islam sedang menghayati dan menjalani ibadat puasa pada Ramadan, media akan melaporkan insiden kemalangan yang membabitkan permainan mercun.

Sudah pasti yang ramai menjadi mangsa mercun ialah golongan kanak-kanak kerana bermain mercun digemari mereka terutama, kanak-kanak lelaki.

Mercun umumnya dibakar ketika meraikan pesta ataupun cuti perayaan seperti Hari Kemerdekaan, sambutan Tahun Baharu, hari raya, Tahun Baharu Cina, Deepavali dan lain-lain perayaan lagi.

Tragedi malang membabitkan kanak-kanak yang menjadi mangsa permainan mercun sentiasa menjadi topik bualan setiap kali Ramadan dan Syawal.

Malah, pada minggu pertama Ramadan tahun ini, media melaporkan seorang kanak-kanak menjadi mangsa letupan mercun buatan sendiri. Mengapakah perkara ini terjadi?

Bermain mercun bukan budaya Islam. Kemeriahan Ramadan sepatutnya disambut dengan meningkatkan amal ibadat dan melakukan perkara yang baik. Ironinya, ramai masyarakat Islam sendiri yang melakukan perkara bertentangan dengan syariat Islam.

Risiko kecederaan

Ajaran Islam tidak membenarkan penganutnya melakukan sesuatu yang tidak mendatangkan faedah, apatah lagi

mendatangkan bahaya dan membazir atau merugikan.

Umumnya, semua jenis mercun* diklasifikasikan sebagai bahan letupan berkuasa rendah. Oleh itu, terdapat beberapa negara yang mengharamkan pembakaran mercun kerana beberapa sebab, antaranya pencemaran bunyi, risiko kecederaan anggota badan dan risiko kebakaran.

Antara jenis mercun yang popular ialah mercun papan, bola, telur, roket dan ketupat serta mercun bola dianggap paling berbahaya kerana ia mengeluarkan bunyi dan impak yang kuat sehingga boleh menyebabkan kecederaan parah.

Pembakaran mercun di negara ini, kini diharamkan seperti yang termaktub di dalam Akta Bahan Letupan pindaan tahun 1991. Pengharaman mercun di Malaysia adalah susulan kejadian tragedi letupan kilang mercun Bright Sparkles, Sungai Buloh pada tahun 1991 yang mengorbankan 26 orang.

Walaupun sudah diharamkan dan diketahui risiko serta bahayanya, masih ada segelintir yang tidak menghiraukan serta terus berdegil membakar mercun.

Justeru, tidak hairanlah jika kes kecederaan akibat bermain mercun terus dilaporkan pada setiap tahun. Kini, ada pula kanak-kanak dan golongan remaja beralih kepada mercun buatan sendiri seperti meriam buluh sebagai alternatif kepada mercun komersial.

Hukuman berat jika sabit kesalahan

Larangan bermain semua jenis mercun dan bunga api pada hari perayaan sudah lama dikuatkuasakan

oleh pihak kerajaan. Agensi kerajaan seperti polis dan kastam pula sentiasa bertindak tegas membanteras aktiviti penyeludupan serta penjualan mercun.

Seksyen 4(2) Akta Bahan Letupan 1957 (Akta 207) memperuntukkan, sesiapa yang didapati mengilang, memiliki atau mengimport mercun atau bunga api, boleh dihukum penjara lima tahun atau denda RM10,000 atau kedua-duanya.

Mereka menyimpan mercun juga boleh didakwa di bawah Seksyen 135 (1)(d) Akta Kastam 1967 (Akta 235) iaitu menyimpan atau memiliki barangan larangan.

Jika sabit kesalahan, pihak terbabit boleh didenda tidak kurang dari 10 kali ganda dan tidak melebihi 20 kali ganda nilai barangan itu atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi kesalahan bermain dan membakar mercun dan bunga api, seseorang boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi satu bulan atau didenda sehingga RM100 atau kedua-duanya sekali mengikut Seksyen 3(5) Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 (Akta 336).

Undang-undang dipandang ringan

Namun, segala undang-undang yang sudah diperuntukkan itu sering kali dipandang ringan oleh kebanyakan masyarakat di negara ini.

Masih ramai yang tetap melakukan kesalahan menyeludup dan menjual mercun, malahan ada mercun yang dijual di tempat terbuka seperti pasar Ramadan dan di sekitar pusat beli-belah.

Terkini, aktiviti penjualan mercun ini juga dijalankan melalui internet seperti Facebook, Twitter, Youtube dan lain-lain lagi. Kebanyakan mercun diseludup dari luar negara beberapa bulan sebelum musim perayaan dengan mengaburi mata penguat kuasa.

Keuntungan berlipat ganda



Mangsa letupan mercun menjadi cacat kerana hilang jari kanan. (GAMBAR HIASAN)

menyebabkan ramai sanggup melakukan kesalahan tanpa menghiraukan kemungkinan dikenakan tindakan undang-undang berat. Terdapat juga segelintir penjenayah melakukan kesalahan sama, biarpun pernah dikenakan hukuman sebelum itu atas kesalahan yang sama. Mungkin pihak kerajaan perlu menimbangkan menggubal undang-undang yang sedia ada bagi mengenakan hukuman yang lebih berat lagi kepada pesalah berkaitan mercun.

Penjualan mercun juga masih berleluasa disebabkan adanya permintaan tinggi daripada orang ramai, khususnya kanak-kanak dan remaja.

Cari alternatif lain

Ibu bapa sepatutnya mengawasi anak agar tidak bermain mercun. Malah, ibu bapa jangan berkompromi dengan isu mercun sekalipun anak merengek dan merayu.

Carilah alternatif lain untuk berhibur dalam menyambut perayaan. Selain mercun dan bunga api yang dibeli, ada segelintir kanak-kanak atau remaja yang berada pada peringkat umur pertengahan juga teruja untuk menjadi 'pakar' bahan letupan.

Melalui pengaruh filem aksi yang ditonton, mereka mula

bereksperimen sendiri dengan mengubah suai mercun yang dibeli untuk menghasilkan bunyi dan letupan lebih kuat melalui hasil pembakaran dalam tong, batang besi mahu-pun buluh.

Semangat 'saintis' dan berani tidak bertempat boleh mengundang padah pada golongan terbabit. Semangat itu perlu disalurkan pada tempat yang sepatutnya.

Masyarakat sekeliling juga perlu bekerjasama dalam mengatasi masalah ini. Mereka hendaklah peka dengan keadaan sekeliling dan melaporkan kepada pihak berkuasa jika mendapati terdapat pihak tidak bertanggungjawab menyimpan ataupun menjual mercun.

Bersama-samalah kita menjaga keselamatan anak daripada terus terbabit di dalam aktiviti yang tidak membawa faedah dan boleh membawa maut. Lebih baik mengajak anak mengisi dan menghayati Ramadan yang penuh berkat ini dengan amal ibadat yang sudah ditetapkan.

Penulis ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Syariah & Undang-undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai.



Dr Muzaffar Syah Mallow
bhnita@bh.com.my

